PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
|---|---|
| Date | 07 FEBRUARY 2017 |

# Inisiatif Negaraku sempena Hari Kebangsaan

BH - 7/2/2017

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan melancarkan satu inisiatif dikenali sebagai Negaraku yang bertunjakkan semangat cintakan Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata inisiatif itu bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat cintakan negara dalam diri rakyat, mengenepikan sebarang perbezaan serta bersatu hati dalam menjayakan cita-cita bagi membentuk Malaysia yang lebih makmur dan berjaya.

## Jaya inisiatif babitkan rakyat

Katanya, pelbagai program dan rancangan akan diadakan dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan bagi menjayakan inisiatif berkenaan yang membabitkan rakyat daripada setiap lapisan masyarakat.

"Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak bertanggungjawab untuk menjayakan program ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

> "Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak bertanggungjawab untuk menjayakan program ini,"
>
> ***Najib Razak,***
> *Perdana Menteri*